

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 14 MAC 2016 (ISNIN)**

| <b>Bil</b> | <b>Tajuk</b>                                 | <b>Akhbar</b>     |
|------------|--|-------------------|
| 1          | MOSTI nafi terlibat iklan jimat bil elektrik | Sinar Harian      |
| 2          | Nafi sokong iklan jimat bil elektrik         | Utusan Malaysia   |
| 3          | Dana RM30j bangun produk inovasi komuniti    | Sinar Harian      |
| 4          | MetMalaysia sedia laku pembenihan awan       | Harian Metro      |
| 5          | Tambahan cuti sekolah ekor panas melampau    | Kosmo             |
| 6          | Pilihan apabila suhu terlalu panas           | Kosmo             |
| 7          | Kemarau melampau di Perlis, Kedah            | Kosmo             |
| 8          | Water parks a welcome escape from the heat   | The Star          |
| 9          | Hot sea breeze spikes heat for Penangites    | Malay Mail        |
| 10         | Adapting to climate change                   | New Straits Times |
| 11         | March 20 expected to be extremely hot        | The Sun           |
| 12         | Teraju allocates RM20m for superb winners    | New Straits Times |

## Mosti nafi terlibat iklan jimat bil elektrik

**AUTA**

TERSEBAR di media sosial iklan yang memaparkan mengenai pemasangan sebuah produk yang dikatakan mampu menjimatkan bil elektrik sehingga 35 peratus. Iklan tersebut turut memaparkan logo Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) dan agensi dibawahnya, Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Sirim) serta beberapa logo lain.

**FAKTA**

MOSTI dalam satu kenyataan semalam memaklumkan iklan yang diviralkan di media sosial itu sebagai palsu.

Dalam kenyataan itu, Mosti dan Sirim turut menafikan memberi sokongan terhadap iklan itu dan orang ramai yang mempunyai maklumat lanjut boleh menghubungi Unit Komunikasi Korporat Mosti di talian 03-88858831/05-55446770 atau emel [ukk.mosti@1govuc.gov.my](mailto:ukk.mosti@1govuc.gov.my).

**JIMATKAN BIL ELEKTRIK**  
RUMAH/PEJABAT/KEDAI/HOTE/KILANG  
SEHINGGA  
**35%**  
HUBUNGI  
**013-617917**  
\*\*PEMANGGILAN PERCUMA!!

**IKLAN PALSU**

technology

BUATAN MALAYSIA  
MADE IN MALAYSIA

CIEMS KIFA SGS SIRIM

Suruhanjaya Tenaga

ENVIRONMENT FRIENDLY

Malaysia Singapore Philipines Cambodia Indonesia

Iklan ini disahkan palsu oleh Mosti.

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 13**  
**TARIKH : 14 MAC 2016 (ISNIN)**

## Nafi sokong iklan jimat bil elektrik

**PUTRAJAYA 13 Mac** - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan SIRIM Berhad (SIRIM) menafikan sokongan terhadap iklan 'Jimatkan Bil Elektrik Sehingga 35 peratus' yang diviralkan dalam media sosial ketika ini.

"Untuk mendapatkan seba-

rang maklumat lanjut, boleh hubungi Unit Komunikasi Korporat kementerian di talian 03-88858831/05-55446770 atau e-mel [ukk.mosti@1govuc.gov.my](mailto:ukk.mosti@1govuc.gov.my)," kata kementerian itu dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Kenyataan tersebut merujuk kepa-

da sebuah iklan yang menggunakan logo kementerian dan SIRIM untuk mempromosikan produk penjimatan elektrik bagi kegunaan kilang, hotel, kilang, pejabat dan rumah.

Selain itu, iklan tersebut juga menggunakan logo Suruhanjaya Tenaga.

**KERATAN AKHBAR**  
**SINAR HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 13**  
**TARIKH: 14 MAC 2016 (ISNIN)**

## **Dana RM30j bangun produk inovasi komuniti**

**MELAKA** - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) memperuntukkan Dana Malaysia Social Innovation RM30 juta bagi membangunkan produk inovasi yang mempunyai elemen kreativiti yang dihasil masyarakat komuniti di sesuatu kawasan.

Timbalan Menteri, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata, dana yang memperuntukkan maksimum RM500,000 bagi sesebuah produk inovasi berkenaan bertujuan

memberi manfaat dalam masyarakat komuniti atau persatuan setempat.

Beliau berkata, melalui dana berkenaan, pencipta atau penghasil produk perlu bekerjasama dengan salah satu agensi di bawah Mosti bagi penghasilan produk mereka.

"Dana ini sama seperti *buy back policy* yang telah dilaksanakan Mosti dalam usaha memastikan produk pengkomersilan yang dihasilkan dapat dijual kepada masyarakat, Kementerian atau jabatan kerajaan da-

lam usaha menyokong penghasilan produk berkenaan.

"Mosti mempunyai banyak agensi dan syarikat milik kerajaan yang dapat membantu pencipta atau penyelidik menghasilkan produk mereka secara lebih inovasi dan berdaya saing untuk diketengah dan dikomersil," katanya.

Abu Bakar berkata, usaha berkenaan selaras pendekatan Mosti untuk mempertingkatkan penghasilan lebih banyak produk inovasi untuk dikomersial lebih meluas. - *Bernama*

